



# Pembentangan Perancangan, Garis Masa & Hala Tuju Gubalan Akta Kebebasan Maklumat (FOI) di Malaysia



## ISU & MASALAH

- **Tiada Akta khas** yang menjamin hak rakyat untuk mendapatkan maklumat daripada Kerajaan;
- **Undang-undang sedia ada** memberi **kekangan** dan dilihat seperti **menyekat** (OSA Akta 88 & S.203A *Penal Code*);
- **Tiada peruntukan undang-undang yang memberi garis panduan yang jelas** kepada Agensi Kerajaan;
- **Tiada pemusatan data awam yang jelas** (tiada badan pengawal); dan
- Inisiatif / dasar perkongsian data sedia ada dilihat **kurang berkesan** (*one sided*)




## JALAN PENYELESAIANNYA?



# SDG16.10: STATUS PENCAPAIAN FOI DI PERINGKAT GLOBAL BAGI TAHUN 2022

**91%**



Penduduk dunia tinggal di negara yang ada FOI



Negara telah gubal FOI yang komprehensif

**36**



Negara sedang ke arah gubal FOI



Negara telah letakkan peruntukan FOI dalam perlembagaan negara



Negara telah cuba perkenalkan dasar/polisi perkongsian data mirip FOI tetapi dilihat kurang berjaya dan kurang berkesan

**77**



Negara yang telah menjadi ahli dalam Open Government Partnership

**Definisi Kebebasan Maklumat:**

Pemberian hak akses kepada orang awam untuk mendapatkan maklumat milik badan awam atau Kerajaan

"easy, prompt, effective and practical access". SDG Target 16.10 calls on all UN Member States to adopt legislation or policies to ensure this.



**ARTICLE 19**



# Kenapa Perlu FOI?





# KOMITMEN KERAJAAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA

- Prinsip kebebasan maklumat dijelaskan melalui Artikel 19 Deklarasi Universal Hak-Hak Asasi Manusia 1948 seperti berikut:

*“Semua orang mempunyai hak untuk mempunyai dan menyuarakan pandangan; hak ini termasuklah kebebasan untuk memiliki pandangan tanpa campur tangan dan kebebasan untuk mencari, menerima dan memberikan maklumat serta idea melalui mana-mana media atau melalui apa sahaja saluran.”*



# KOMITMEN KERAJAAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA

- Sebahagian daripada hak asasi untuk bersuara yang dinyatakan melalui Artikel 19 & Resolusi 59 Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu tahun 1946
- Pada 1999, Malaysia mengiktiraf **Prinsip Kebebasan Maklumat Komanwel** semasa Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM) di Durban, Afrika.



# APA ITU KEBEBASAN MAKLUMAT ?

Definisi:

Pemberian hak akses kepada orang awam untuk mendapatkan maklumat milik badan awam atau Kerajaan (*the right to access information held by public bodies*)

Namun, kebebasan ini **bukanlah bersifat kebebasan mutlak** (*absolute freedom*), dengan pengecualian ke atas maklumat berkaitan data peribadi, keselamatan, pertahanan, ketenteraman awam dan hubungan diplomasi antarabangsa



- Sehingga tahun 2022, sebanyak **129 buah negara** telah menggubal perundangan yang berkaitan dengan *right to information (RTI)* atau *Freedom of Information (FOI)* ini.
- Negara **pertama** yang menggubal Akta Kebebasan Maklumat ialah **Sweden** iaitu pada **1766**, **USA** pada **1966**, **Australia** pada **1982** & **China** juga pada **2007**





# KELEBIHAN/KEKUATAN FOI

S1

- Meningkatkan kepercayaan dan keyakinan rakyat kepada Kerajaan
- Meningkatkan imej perkhidmatan awam

S2

- Tingkatkan mutu **tadbir urus, integriti** dan **pencegahan rasuah/salah guna kuasa** (meyakinkan pelabur)
- Memperbaiki **ranking /indeks negara** (meningkatkan pelaburan / ekonomi)

S3

- Mencetus idea inovasi produk dan perkhidmatan
- Pengetahuan baharu daripada sumber gabungan data



# KELEBIHAN/KEKUATAN FOI

S4

- Ada **badan pengawal** khas (kawal selia permohonan dan rayuan)
- Mempermudahkan urusan rakyat
- Memperkemaskan rekod **pengurusan maklumat / fail** Kerajaan

S5

- Meningkatkan **keberkesanan penyampaian perkhidmatan** Kerajaan
- Meningkatkan **ketelusan** Kerajaan
- **Menjimatkan** wang Kerajaan (jangka panjang)



# KELEMAHAN/LIMITASI FOI

W1

- Implikasi kewangan (kos)
- Pertambahan beban tugas

W2

- **Kawal selia** permohonan / data terhad / hanya terpakai kepada Kerajaan sahaja
- **Melayan karenah** permintaan berdasarkan “sekadar ingin tahu atau merepek”

W3

- **Bukan kebebasan mutlak:** Maklumat yang dipohon masih tertakluk kepada ketetapan **Akta Rahsia Rasmi 1972** dan perundangan lain yang secara terang melarang sebarang perkongsian maklumat antaranya **ketenteraman awam, siasatan, risikan, keselamatan, pertahanan & hubungan diplomasi** antarabangsa negara.



## KELEMAHAN/ LIMITASI FOI

W4

- Kompetensi Pegawai Maklumat (IO) kurang mahir
- Maklumat tidak diselaras dengan baik
- Data yang tidak terkini/ tidak seragam

W5

- Hanya melibatkan maklumat milik Kerajaan sahaja



# PELUANG FOI

O-1

- Penglibatan menyeluruh rakyat dalam pembangunan negara (**dasar dan pembangunan**)
- *Era Kerajaan tahu semuanya* sudah berakhir

O-2

- Masyarakat diberikan ruang dan peluang capaian kepada dokumen Kerajaan; untuk kritikan membina (**semak imbang**)

O-3

- Ketersediaan/ capaian maklumat tentang aktiviti dan operasi kerajaan secara signifikannya akan mengurangkan gelaja rasuah dan salah guna kuasa.



# PELUANG FOI

O-4

- Meningkatkan kesedaran masyarakat
- Pembudayaan cemerlang dan cakna di kalangan rakyat

O-5

- Meningkatkan tahap **pemikiran kepada kelas** yang lebih tinggi
- Peningkatan kesedaran sivik

O-6

- Keterbukaan ini secara langsung meningkatkan kebertanggungjawaban (**akauntabiliti**) kakitangan awam/rakyat
- Peningkatan kewibadawaan / kepemimpinan



# ANCAMAN FOI

- **Manipulasi maklumat** : Boleh **disalahgunakan** oleh pihak tertentu **memanipulasi pendapat umum atau mempengaruhi politik/ perniagaan/ perseorangan** dengan menyebarkan maklumat palsu atau mengelirukan menggunakan **data yang sensitif**.
- **Tiada perlindungan khas (imuniti) buat penjawat awam jika maklumat disalahguna (**Seksyen 203A KK**)**
- **Risiko keselamatan:** boleh **disalahgunakan** oleh **hackers** atau pelaku jahat lain yang menggunakannya untuk mendapatkan akses kepada sistem maklumat lain



# CABARAN MELAKSANAKAN FOI

C-1

- Memberikan **kefahaman** kepada rakyat tentang konsep kebebasan maklumat (*the do's & the don't's*)
- **Meyakinkan** Agensi Kerajaan / pengurusan tertinggi / penjawat awam / Kerajaan Negeri / BB / PBT

C-2

- Mendapatkan kerjasama dalam **penyelarasan data & maklumat**

C-3

- Penyediaan **data yang mencukupi** dan **terkini** dalam masa yang **cepat/munasabah**




# CABARAN MELAKSANAKAN FOI

- C-4**
  - Merangka **pelan komunikasi strategik** yang **berkesan** di semua peringkat
- C-5**
  - Mengenalpasti **Akta/Peraturan** yang **bercanggah** atau **bertindih** dengan konsep **Kebebasan Maklumat**
- C-6**
  - Penyediaan **peruntukan** yang **mencukupi** dan **pegawai berkepakaran** dan **IO** yang **terlatih**



# SITUASI SEMASA



## Pulau Pinang:

Enakmen Maklumat Pulau  
Pinang 2010

Tarikh warta: 2 Februari 2012  
Kuat kuasa : 1 Januari 2015

## Selangor:

Enakmen Kebebasan Maklumat  
(Negeri Selangor) 2011

Tarikh warta: 25 Ogos 2011  
Kuat kuasa: 5 Mac 2013

Kedua-dua Enakmen ini membenarkan akses orang awam terhadap dokumen Kerajaan Negeri kecuali maklumat yang diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]





# SITUASI SEMASA

## KE ARAH PEMBUDAYAAN PERKONGSIAN DATA/MAKLUMAT DI MALAYSIA

**Penggubalan Akta Kebebasan Maklumat (2024) - BHEUU**

- akses kepada **orang awam** mohon maklumat milik Kerajaan

**Penggubalan Akta Omnibus : Perkongsian Data (2024) - KD**

- akses **kepada agensi Kerajaan** untuk mohon **maklumat/data milik Agensi Kerajaan lain** (G2G)

**Dasar Perkongsian Data Nasional (DPDN) 2022 – K-KOM / MDEC**

- Menggalakkan pembudayaan perkongsian data antara G2G, G2B dan B2B

→ Pindaan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] - CGSO

→ Pindaan Seksyen 203A Kanun Keseksaan - KDN



# **TINDAKAN YANG TELAH DIAMBIL**

## **Libat Urus:**

Sejak **2019 hingga 2023**, sebanyak **23** sesi libat urus/mesyuarat/forum bersama **Agensi Kerajaan, CSOs/NGOs, ahli akademik, Pejabat Pesuruhjaya Maklumat luar negara dan Agensi Penguatkuasaan, Keselamatan & Pertahanan.**

## **Soal Selidik Awam:**

Soal Selidik Awam Mengenai Cadangan Gubalan Akta Kebebasan Maklumat telah dilaksanakan pada **31 Januari - 16 Februari 2023** secara atas talian melibatkan **8,841 responden.**

\*\*\*\* NGOs/CSOs diterajui oleh *Centre For Independent Journalism (CIJ)*



# DAPATAN PENTING KAJI SELIDIK AWAM

Antara Dapatan penting analisis data soal selidik ini adalah:

**Kebimbangan responden terhadap keterbukaan/kebebasan dalam perkongsian maklumat:**

- Risiko maklumat peribadi atau sensitif **disalahguna**;
- Risiko **keselamatan** dan **kedaulatan negara**;
- Risiko **pegawai maklumat dipersalahkan** jika berlaku salah guna oleh pihak ke-3 (**perlu ada imuniti**).



**“Kerajaan secara prinsip setuju gubal Akta Kebebasan Maklumat, beri akses kepada rakyat dapatkan maklumat.”**

**YAB DATO' SERI ANWAR IBRAHIM**  
Perdana Menteri



# MANDAT KERAJAAN



Pada 14 September 2023, Mesyuarat JKKTN telah bersetuju supaya:

- FOI digubal di peringkat kebangsaan;
- Akta 88 dipinda sewajarnya; dan
- Perlu mengambil kira pandangan ahli mesyuarat JKKTN, antaranya:
  - Libat urus yang menyeluruh



# PERSOALAN DASAR



# PARAMETER DAN SKOP

## RANGKUMAN PEMAKAIAN

Maklumat **milik badan awam** atau Kerajaan sahaja? Atau termasuk **milik swasta**?

Afghanistan : Kedua-duanya

Mexico: Sektor Awam sahaja, Sri Lanka : Pihak Berkuasa Awam UK: Pihak Berkuasa Awam sahaja

Di **Malaysia**, jika Badan Awam/Kerajaan sahaja, adakah merangkumi **semua peringkat di persekutuan, negeri, pihak berkuasa berkanun dan PBT?**

Atau termasuk **GLC, GIC & GOC?**

## OBJEKTIF UNDANG-UNDANG

### UK :

Akses untuk semua maklumat milik Kerajaan, menggalak perkongsian data, ajak rakyat turut serta dalam dasar awam bagi memastikan akauntabiliti dan ketelusan

### Afghanistan :

Memastikan hak untuk mengakses maklumat untuk semua sebagai ketelusan dan akauntabiliti dalam pengendalian pentadbiran Kerajaan dan institusi badan selain Kerajaan

### Mexico :

Akses maklumat kepada orang ramai untuk ketelusan; perlindungan maklumat peribadi, akauntabiliti dan penilaian rakyat.

### Sri Lanka :

Akses untuk semua, menggalak perkongsian data, ajak rakyat turut serta dalam dasar awam sebagai *check & balance*

# PARAMETER DAN SKOP

## TEMPOH MASA UNTUK MENYEDIAKAN MAKLUMAT YANG DIPOHON

Berapa lama masa yang diperlukan untuk memberikan maklumat?

**Afghanistan** : 10 + 3 hari

**Mexico** : 10 hari bekerja,

**Sri Lanka** : 14 hari, boleh dilanjutkan kepada 21 hari lagi (maksimum) dalam keadaan tertentu

**UK** : tidak lewat daripada 20 hari bekerja

**Indonesia**: 10 hari bekerja

## BAYARAN / YURAN UNTUK MAKLUMAT

Adakah pemohon perlu bayar untuk dapatkan maklumat? Adakah dinyatakan/ditentukan dalam undang-undang?

**Selangor**: RM2 + RM10 untuk proses  
**P.Pinang**: RM50 untuk setiap maklumat

**Afghanistan/Mexico/UK** : Ditentukan oleh undang-undang/peraturan

**Sri Lanka** : Ditentukan oleh Suruhanjaya

# PARAMETER DAN SKOP

## MEKANISME PEMBERIAN AKSES KEPADA MAKLUMAT



Siapa penyedia maklumat?



Perlu ada pegawai maklumat/informasi yang dilantik?



Bagaimana maklumat dihantar/dikongsi?



Adakah pemohon perlu nyatakan sebab/tujuan permohonan?

## MEKANISME PEMBERIAN AKSES KEPADA MAKLUMAT



Perlukah pemilik maklumat maklumkan sekiranya maklumat tersebut ada ataupun tidak?



Siapa yang boleh membuat permintaan? Bolehkah permintaan dibuat bagi pihak ketiga (cth: bagi pihak seseorang yang tidak berupaya)?



Sekiranya terdapat penafian tentang cara maklumat itu harus digunakan?



# PARAMETER DAN SKOP

## PENGECUALIAN / LARANGAN KEPADA PERKONGSIAN MAKLUMAT

Pengecualian maklumat  
**(jenis maklumat yang tidak boleh dikongsi)**

**Pengecualian:** maklumat yang menyentuh keselamatan negara, pertahanan dan hubungan antarabangsa sebagaimana peruntukan Akta 88 / praktis secara global

Pengecualian boleh dibuat ke atas pengecualian maklumat (**exemption on exemption**) atas keadaan-keadaan tertentu

Pelaksanaan **ujian kemudaratian** (*harm test*) / ujian kepentingan awam (*public interest test*) perlu dirangka ke atas semua pengecualian, sehingga pendedahan maklumat tersebut terbukti mendatangkan kemudaratian sebenar.

## SOKONGAN PELAKSANAAN

Kompetensi dan keberadaan (*availability*) pegawai maklumat serta medium untuk memudahkan urusan perkongsian maklumat

Sokongan infrastruktur, pendigitalan maklumat, penghantaran maklumat secara elektronik dan latihan berterusan untuk pegawai maklumat

Platform data terbuka sedia ada perlu dimanfaatkan sepenuhnya dengan membolehkan permohonan maklumat secara atas talian.



# PARAMETER DAN SKOP

## PENERBITAN / PELAPORAN

Adakah terdapat keperluan untuk menerbitkan pelaksanaan FOI?

**Sri Lanka:** Pihak Berkuasa Awam perlu mengemukakan laporan tahunan kepada Suruhanjaya mengenai pelaksanaan FOI di jabatan masing-masing.

**UK:** Penggunaan set Data bagi mereka yang meminta maklumat

Pihak Berkuasa Awam boleh menyediakan skim penerbitan yang boleh didedahkan kepada umum

**Indonesia:** Setiap Badan Awam wajib menerbitkan maklumat awam secara berkala

## PENGELASAN DAN PENYAHKLASIFIKASIAN MAKLUMAT

Adakah terdapat tempoh masa untuk pengelasan dan penyahklasifikasian maklumat seterusnya?

Bolehkah Badan Pengawal mengarahkan agensi pemilik untuk menyahklasifikasi maklumat? atas alasan berikut

- Maklumat telah dinyahklasifikasikan terlalu lama
- Klasifikasi maklumat akan membantu orang ramai secara umum (kebaikan awam) - "Ujian kepentingan awam"



# PARAMETER DAN SKOP

## ADUAN / BANTAHAN/ RAYUAN

Bolehkah pemohon mengemukakan aduan sekiranya tidak berpuas hati dengan maklumat yang diperolehi?

Kepada siapa aduan boleh dibuat?  
Adakah terdapat ketetapan dalam peraturan bagi proses/prosedur untuk ini?

Lembaga Rayuan menimbang jika terdapat permohonan rayuan (maklumat ditolak).

## PERTINDIHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN, NEGERI, BB & PBT

Aspek konflik atau pertindihan perundangan di peringkat Persekutuan, Negeri, BB & PBT

Terdapat keperluan **untuk menyemak** dan meneliti semua perundangan di peringkat Negeri, BB dan PBT termasuk perundangan subsidiari bagi mengelakkan konflik perundangan.



# PARAMETER DAN SKOP

## BADAN PENGAWAL

- Badan bebas yang khusus (seperti Suruhanjaya)
- untuk mengawal selia serta memantau pelaksanaan FOIA.
- Lapor kepada Parlimen, bertindak sbg Lembaga Rayuan

Apakah strukturnya?  
Siapa Pesuruhjaya?  
Apa kriterianya?

Berapa lamakah tempoh perkhidmatan?

## 2 MODEL YANG BOLEH DIPERTIMBANGKAN

**MODEL 1:** Penubuhan organisasi baru seperti sebuah Suruhanjaya. Implikasi kos yang tinggi

**MODEL 2:** Perkasakan Agensi sedia ada yang berkait rapat.

Cadangan: JPDP diperkasakan, diberi perluasan kuasa sepetimana amalan di Australia dan UK

**Lebih *cost effective* kepada Kerajaan**  
**Wujud perjawatan secara COS (terbuka/kontrak)**



# PARAMETER DAN SKOP

## PERLINDUNGAN MAKLUMAT PERIBADI

Adakah undang-undang FOI akan mendedahkan maklumat peribadi?

**Mexico** : Garis panduan diwujudkan untuk memastikan perlindungan maklumat peribadi.

Terdapat keadaan tertentu di mana maklumat peribadi boleh didedahkan (iaitu pencegahan atau diagnosis perubatan, statistik, saintifik, perintah kehakiman (antara lain)).



# IMPLIKASI

## 1) Perundangan:

- ✓ penggubalan akta baharu, pindaan peruntukan dalam akta-akta tertentu di peringkat Persekutuan, Negeri, Badan Berkanun & Pihak Berkuasa Tempatan
- ✓ Penggubalan Akta Omnibus: Perkongsian Data oleh Kementerian Digital yang membolehkan/menggalakkan perkongsian data antara agensi Kerajaan dengan agensi Kerajaan
- ✓ perundangan di peringkat Negeri, BB & PBT termasuk perundangan subsidiari bagi mengelakkan isu pertindihan kuasa dan konflik serta memastikan penyelarasan perundangan di Persekutuan dan Negeri.



# IMPLIKASI

## 2) Kewangan:

Peruntukan kewangan bagi pewujudan/pemerkasaan penubuhan Pejabat Pesuruhjaya Maklumat

- a) Pertambahan perjawatan yang minimum: Perjawatan secara COS, terbuka dan tidak berpencen
  
- b) Kemudahan/Bangunan/Keperluan: menggunakan kemudahan/bangunan/keperluan sedia ada dengan sedikit pertambahan.



# IMPLIKASI

## 2) Kewangan:

**Peruntukan kewangan bagi peringkat :**

- a) **pra-penggubalan**: Sesi libat urus, kajian lanjut dan penggubalan rang undang-undang berkaitan serta
- b) **pasca penggubalan**: Program penerangan dan siar raya serta sistem ICT bagi tujuan perkongsian maklumat secara digital/maya. Juga latihan kepada IO.
- c) **selepas kelulusan di Parlimen**: Penyediaan garis panduan, peraturan, templat boring, proses kerja dan pelantikan



# IMPLIKASI

## 3) Pelan Komunikasi Strategik:


- a) Naratif dan pelan komunikasi strategik yang menyeluruh, komprehensif dan teratur dengan kerjasama semua pihak berkepentingan
- b) Memastikan objektif dan matlamat yang dihasratkan melalui Akta ini sampai kepada masyarakat umum dan juga penjawat awam.



# Perancangan / Garis Masa Gubalan Akta Kebebasan Maklumat (FOI)



# GARIS MASA PENGGUBALAN AKTA KEBEBASAN MAKLUMAT





## GARIS MASA PENGGUBALAN AKTA KEBEBASAN MAKLUMAT



Sesi Taklimat kepada Ahli Parlimen

September 2024

Pembentangan (bacaan) di Dewan Negara



Oktober-November 2024

Arahan cetakan *blue bill* oleh AGC

Pembentangan (bacaan) di Dewan Rakyat

